

CNS9872

U GB 16-07 00186 BH654

bah

KADAR BARU TOL MUNASABAH, XATA DR MAHATHIR

Mahathir - Tol

PULAU REDANG, 16 Julai (Bernama)-- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kadar baru tol untuk Lebuhraya Utara-Selatan, tidak akan membebankan pengyunn jalan raya kerana ia masih berpatutan.

Perdana Menteri berkata, kadar baru terpaksa dikenakan bagi menampung belanja pembinaan lebuhraya itu yang meningkat, dan kebenaran ini terkandung dalam perjanjian konsesi antara kerajaan dengan Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).

Bercakap kepada pemberita di sini, beliau berkata : +Kita masih mampu (membayar kadar baru itu) kecualilah Lim Kit Siang datang cucuk+.

Lim, Setiausaha Ayung DAP, sebelum ini dilaporkan enggan membayar tol \$5.80 ketika menggunakan lebuhraya ke Melaka kerana beliau dakwa PLUS tidak dapat menjamin perjalanan yang selesa dan selamat seperti yang tercatat pada tiket tol.

PLUS mengumumkan semalam pertambahan kadar tol untuk kereta daripada 5 sen sekilometer kepada 7.5 sen sekilometer berkuatkuasa 1 Jan depan.

+Jika Lim mahu menyediakan kadar tol yang murah, kita boleh serah kepada dia buat jalan dan kenakan kadar kalau dia mahu,+ kata Dr Mahathir.
-- Lagi

▼16/07/19-30MST

CNS9874

U GB 16-07 00134 BH655

bah

Mahathir - Tol 2 (Akhir) Pulau Redang

Sebelum itu, Perdana Menteri dan rombongan melawat ke sekitar kawasan pembinaan projek pelancongan besar-besaran di Pulau Redang kira-kira dua jam.

Beliau meninjau antara lain, bagaimana syarikat pemaju, Redang Island Resort (RIR) menyediakan langkah-langkah memastikan projek pembangunan yang keseluruhannya bernilai kira-kira \$340 juta itu tidak mencemarkan alam seki tar dan membunuh batu karang.

RIR sedang membina padang golf 18 lubang dan chalet 250 bilik yang dijangkasiap Julai tahun depan.

Yang turut sama dalam lawatan itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Tengku Mahmud Mansor, Pengerusi Eksekutif RIR, Datuk Mohd Anuar Embong dan Pengerusi Eksekutif Berjaya Corporation, Tan Sri Vincent Tan. -- Bernama

▼16/07/19-31MST